

SULIT
Tasawwur
Islam
2 ½ Jam

5226/2

No.Kad Pengenalan :

**PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA
CAWANGAN TERENGGANI
DENGAN KERJASAMA
JABATAN PENDIDIKAN TERENGGANU**

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN 2004

TINGKATAN EMPAT

TASAWWUR ISLAM

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas ini mengandungi tujuh soalan
 2. Soalan satu wajib dijawab dan pilih empat soalan yang lain
 3. Calon perlu menjawab lima soalan sahaja
Jawapan hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan
-

Kertas ini mengandungi 4 halaman bercetak

[Lihat sebelah

(100 markah)

Jawab lima soalan sahaja
Soalan 1 wajib dijawab dan pilih empat soalan yang lain

1. a. i. Nyatakan pengertian wahyu pada bahasa dan istilah (3m)
ii. Senaraikan TIGA perkara yang tidak mampu difikirkan oleh akal (3m)
iii. Kemukakan DUA perbezaan di antara wahyu dan akal (6m)
b. Wahyu diturunkan secara beransur-ansur selama 23 tahun
i. Senaraikan DUA ciri wahyu. (4m)
ii. Jelaskan DUA hikmat penurunan wahyu secara beransur-ansur (4m)
2. a. i. Nyatakan DUA perbezaan antara Rububiyah dan Uluhiyyah (4m)
ii. Terangkan TIGA hikmat beriman kepada Uluhiyyah (6m)
b. i. Senaraikan DUA hujah Nabi Muhammad S.A.W adalah Rasul yang terakhir (4m)
ii. "Rasul-rasul telah dikurniakan mukjizat".
Terangkan TIGA hikmat mengapa para Rasul dikurniakan mukjizat. (6m)
3. a. Al-Quran merupakan kitab suci yang terakhir diturunkan oleh Allah S.W.T kepada Nabi Muhammad S.A.W
i. Jelaskan pengertian al-Quran (2 m)
ii. Terangkan DUA hujah anda untuk membuktikan Al-Quran itu sebuah kitab suci yang sempurna dan lengkap (4m)
b. Jelaskan DUA peranan al-quran dalam membimbing akal (4m)
c. "Rasulullah s.a.w. sebagai pelengkap kepada para nabi dan rasul yang diutuskan oleh Allah telah berjaya membimbing umat manusia kepada kebenaran. Malangnya , muncul pula ajaran dan budaya asing yang boleh merosakkan aqidah umat Islam , khususnya di zaman langit terbuka tanpa sempadan kini".
i. Nyatakan DUA ciri fahaman dan budaya asing yang boleh merosak aqidah umat Islam (4m)
ii. Huraikan TIGA cara menangani fahaman atau budaya tersebut menular ke dalam masyarakat . (6m)

4. a. **Murunah adalah ciri perundangan hidup Islam yang penting**
- i. **Terangkan maksud murunah** (2 m)
- ii. **Islam mewajibkan umatnya menutup aurat bagi menjaga maruah dan kehormatan diri. Mengapa Islam menetapkan kewajipan tersebut.** (6m)
- b. **“Semua rakyat mempunyai hak dan tanggungjawab terhadap Negara”**
- i. **Terangkan DUA daripada kewajipan tersebut** (4m)
- ii. **“Islam sentiasa menegakkan kebenaran dan mencegah kemungkaran.”
Senaraikan DUA kepentingan tujuan tersebut.** (4m)
- iii. **Jelas DUA akibat seseorang rakyat mengabaikan tanggungjawabnya terhadap negara** (4m)
5. a. **Ajaran Islam sesuai dengan fitrah manusia .**
- i. **Apakah yang dimaksudkan dengan fitrah beragama** (2m)
- ii. **Jelaskan DUA hujjah Islam sesuai dengan fitrah manusia** (4m)
- b. **“ Ibadat di dalam Islam bersifat teori dan praktikal “**
- i. **Jelaskan jenis-jenis ibadat beserta contohnya** (4m)
- ii. **Terangkan DUA bukti yang menunjukkan waqiyah dalam ibadat** (4m)
- c. **“ Thabat membawa maksud tetap dan teguh serta tidak berubah”
Huraikan TIGA aspek yang Islam tidak boleh bertoleransi dengannya.** (6m)
6. a. **Sistem Syura merupakan sistem pemerintahan dan pentadbiran yang terbaik**
- i. **Nyatakan DUA ciri syura.** (4m)
- ii. **Terangkan TIGA kebaikan sistem tersebut** (6m)
- b. **“Seorang pemimpin mestilah mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang unggul dan karismatik”**
- i. **Jelaskan DUA ciri pimpinan pelajar pilihan anda.** (4m)
- ii. **Nyatakan TIGA perkara utama yang perlu dimiliki oleh seseorang pelajar yang akan menjadi tunggak kepimpinan negara pada masa hadapan** (6 m)

7. a.. **“Al-Quran dan al-Hadis merupakan asas pembentukan sistem sosial Islam”**
- i. Nyatakan perbezaan di antara sistem sosial Islam dengan sistem sosial bukan Islam (4m)
 - ii. Huraikan TIGA implikasi yang akan berlaku akibat pengabaian tanggungjawab sosial (6m)
- b. **“ Alam remaja merupakan zaman yang penuh dengan dugaan dan cabaran ”**
- i. Jelaskan DUA peranan remaja dalam membangun dan memajukan negara.(4m)
 - ii. Huraikan TIGA punca utama yang mempengaruhi keruntuhan akhlak remaja kini (6m)

KERTAS SOALAN TAMAT